

# Uni, poly tingkat usaha latih pekerja Industri 4.0

UNIVERSITI dan politeknik akan meningkatkan usaha latihan dalam kemahiran baru seperti pembelajaran mesin, keusahawanan dan analitik data.

Selain itu, sebuah pusat latihan baru khusus untuk sektor perkilangan lanjutan juga akan ditubuhkan.

Demikian beberapa inisiatif diumumkan Menteri Negara Kanan (Perdagangan dan Perusahaan merangkap Pendidikan), Encik Chee Hong Tat, dalam usaha membantu persiapkan tenaga kerja bagi menghadapi Industri 4.0 semasa Pesta SkillsFuture@NUS, semalam.

Encik Chee berkata sebagai sebahagian daripada gerakan SkillsFuture, pemerintah akan bekerjasama dengan pihak berkepentingan penting bagi meluaskan peluang untuk latihan kemahiran menerusi tiga 'I' – iaitu institut pembelajaran tinggi (IHL), industri dan wawasan.

"IHL kita akan terus meningkatkan usaha untuk menyediakan lebih banyak tempat latihan untuk pekerja kita dalam bidang yang boleh persiapkan diri mereka bagi Industri 4.0," ujarnya.

Salah satu kursus baru yang bakal diperkenalkan adalah Sarjana Sains dalam Industri 4.0, di Universiti Nasional Singapura (NUS), mulai bulan depan.



**JALIN KERJASAMA:** (tengah, tali leher biru) Encik Chee Hong Tat telah menyaksikan pemeretaian MOU bagi penubuhan Pusat Latihan Serantau BOSCH Rexroth (BRRTC) di Jurong. Menandatangani MOU itu adalah (dari kiri) Encik Soh Wah Wah, CEO dan Pengetua Politeknik Singapura; Encik Roland Keller, Presiden Serantau, Asean dan Oceania Bosch Rexroth; Encik Ng Cher Pong, Ketua Eksekutif SSG; Dr Tim Phillipi, Pengarah Esekutif Dewan Perniagaan dan Perusahaan Jerman-Singapura; dan Encik Alvin Tan, Penolong Ketua Eksekutif JTC. – Foto NUS

Program itu antara lain meliputi subjek seperti analitik data dan prasarana digital.

NUS juga meluaskan kerjasama dengan badan lain di bawah model "Belajar Apa Sahaja" bagi menyediakan modul latihan khusus untuk syarikat atau persatuan.

Beliau juga mengumumkan kerjasama dengan syarikat kejuruteraan Jerman, Bosch Rexroth, bagi penubuhan Pusat Latihan Serantau BOSCH Rexroth (BRRTC) di Jurong – yang pertama untuk sektor Perkilangan Lanjutan – bagi menyediakan latihan kemahiran Industri 4.0.

Sementara itu, sejak 2017, jumlah kursus ditawarkan bagi pendidikan orang dewasa, di bawah Siri SkillsFuture, berlipat ganda daripada 400 kepada 1,500.

Sehingga Mac lalu, hampir 40,000 individu telah mendaftar untuk kursus singkat itu, yang ditawarkan oleh IHL.